

# Tinjauan: Warga S'pura kini lebih prihatin terhadap orang lain

► **NORHAIZA HASHIM**  
norhaiza@sph.com.sg

RAKYAT Singapura menunjukkan nilai-nilai peribadi lebih tinggi, dengan peralihan dari menumpukan perhatian terhadap diri sendiri sahaja kepada sikap yang menunjukkan keprihatinan terhadap orang lain.

Nilai positif seperti prihatin terhadap warga emas muncul pertama kali dalam 10 nilai tertinggi yang menggambarkan masyarakat Singapura ketika ini, menurut satu tinjauan.

Namun, nilai peribadi itu tidak semestinya dicerminkan dalam gambaran masyarakat hari ini yang masih dibelenggu dengan sikap *kiasu*, suka mengadu dan bersaing.

Dapatan tinjauan Penilaian Nilai Kebangsaan Singapura 2018 itu dibentangkan dalam satu perbincangan Institut Pengajian Dasar (IPS) semalam.

Seramai 2,000 rakyat Singapura ditinjau dari Mac hingga Mei tahun ini bagi mengetahui nilai yang pent-

ing bagi individu secara peribadi, gambaran mereka mengenai masyarakat hari ini dan harapan mereka mengenai masyarakat yang ideal.

Tinjauan itu menunjukkan rakyat Singapura juga menitikberatkan nilai baru seperti suka berjenaka dan keseronokan yang tersenarai buat pertama kali sejak tinjauan serupa dijalankan pada 2012 dan 2015.

“Rakyat Singapura telah bergerak tangga ‘nilai’, dengan peralihan dari sekadar memberi tumpuan terhadap diri mereka kepada keseimbangan hidup lebih bermakna dan kebahagiaan.”

Mereka tidak hanya mengimpikan mutu kehidupan dari segi harta benda bahkan juga keinginan mendekati orang lain dengan penuh rasa ihsan,” kata Profesor Madya Tan Ern Ser dari Jabatan Sosiologi Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dari 10 nilai utama yang menggambarkan masyarakat Singapura hari ini, keprihatinan terhadap warga emas muncul pertama kali tahun ini selain nilai-nilai lain yang muncul

sebelum ini seperti peluang pendidikan dan penjagaan kesihatan yang berkesan.

“Ini mungkin satu petanda perubahan positif,” ujar Pengarah aAdvantage Consulting Group, Encik Vincent Ho, yang menjalankan tinjauan itu bersama firma Barrett Values Centre.

Tetapi, tinjauan itu juga mendapati nilai-nilai peribadi yang positif itu kadangkala tidak sejajar dengan nilai masyarakat yang mereka gambarkan seperti *kiasu*, suka mengadu dan bersaing, yang boleh menjadi negatif jika ditonjolkan secara berlebihan.

“Suka mengadu merupakan sikap terbaru dalam tinjauan tahun ini.

“Jika kita mengadu semata-mata untuk mengadu, ia bukan satu hasil positif.

“Tetapi, jika mereka mengadu dan cuba menjelaskan apa yang salah dan boleh dilakukan untuk mencapai kesamaan, ia akan menghasilkan hasil positif,” ujar Encik Ho.

Untuk menangani nilai negatif seperti suka mengadu dan *kiasu* yang menjadi hambatan menjadi aspirasi diinginkan, Profesor Madya Tan menyatakan keperluan untuk rakyat Singapura menunjukkan semangat perpaduan yang kukuh dan sokongan bersama.

Ciri suka berjenaka dan keseronokan mencerminkan bahawa rakyat Singapura secara peribadi ingin mencari wadah bagi melepaskan tekanan hidup dan kos kehidupan yang tinggi, kata pelawak tempatan, Cik Sharul Channa.

Tinjauan itu juga menunjukkan bahawa perumahan dimampui, penjagaan kesihatan yang berkesan, keprihatinan terhadap golongan memerlukan merupakan apa yang didefinisikan sebagai masyarakat ideal di Singapura.

Tinjauan itu juga menanyakan rakyat Singapura mengenai tanggapan mereka di tempat kerja hari ini.

Nilai-nilai positif yang wujud termasuk semangat berkumpul dan keinginan untuk terus belajar serta memperbaiki diri sejajar dengan gerakan nasional, kata Encik Ho.

## 10 NILAI DAN SIKAP

### MENGGAMBARKAN DIRI SEBAGAI

- menitikberatkan keluarga
- jaga kesihatan
- warga prihatin
- kukuhkan persahabatan
- bertanggungjawab
- pegang amanah
- menghargai kebahagiaan
- mempunyai belas kasihan
- jalani hidup seimbang (rumah/kerja)
- suka berjenaka/seronok

### MENGGAMBARKAN MASYARAKAT SEBAGAI

- ‘kiasu’ (tidak suka kalah)
- suka mengadu
- cenderung bersaing
- materialistik
- rebut peluang pendidikan
- suka mencari kesalahan orang lain
- ‘kiasi’ (elak ambil risiko)
- memikirkan diri sendiri
- prihatin terhadap warga emas
- mempunyai penjagaan kesihatan berkesan